

BULETIN UTHM

Bil.1 Januari 2024 | ISSN 2232-0415



**UTHM-MILI TECH jalin kerjasama
dalam bidang electric vehicle dan hibrid**

ISSN 2232-0415



subscribe
UTHM TV
UTHM Johor www.uthm.edu.my



**Global Technopreneur
University 2030**

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Kolej Kediaman Kampus Pagoh, UTHM berjaya kumpul lebih 600 beg darah tahun 2023
- 3 UTHM-MILI TECH jalin kerjasama dalam bidang electric vehicle dan hibrid
- 5 UTHM-PIJ jalin kerjasama bantu paku kemajuan sosioekonomi negeri Johor
- 7 Arked 'bunga' simbolik penamaan bangunan kafeteria di UTHM
- 10 Program SCIC2024 beri peluang pelajar sarjana dekati pakar industri
- 12 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





Kolej Kediaman Kampus Pagoh, UTHM berjaya kumpul lebih 600 beg darah tahun 2023

Lebih 600 beg darah berjaya dikumpul oleh Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sepanjang menjalankan kempen dan program derma darah secara berkala pada tahun 2023.

Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 25 peratus berbanding jumlah yang berjaya dikumpulkan pada tahun 2022.

Prihatin dengan keperluan golongan yang memerlukan dan bagi memastikan stok bekalan darah sentiasa mencukupi, KKKP telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan pihak Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) dalam menjayakan objektif tersebut.

Menurut Pusat Darah Negara, sebanyak 15,000 hingga 17,000 beg darah diperlukan dalam sebulan.

Berdasarkan statistik, satu beg darah diperlukan setiap 43 saat dan mampu menyelamatkan tiga nyawa.

Justeru itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing selaras dengan kapasiti yang ada.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan dan sektor industri telah memainkan peranan mereka dengan sebaiknya dalam menyediakan kemudahan dan memastikan sektor kesihatan berada dalam keadaan yang optimum.

Beberapa inisiatif telah diambil oleh KKKP antaranya dengan melaksanakan kempen kesedaran, hebahan maklumat serta program pendermaan darah secara konsisten dan sistematik.

Menurut penasihat program, Dr. Mohd Faisal Hushim yang juga Timbalan Pengetua 1 KKKP, peningkatan jumlah kutipan tersebut menunjukkan sikap keprihatinan yang tinggi dalam kalangan warga UTHM dan juga Hab Pendidikan Tinggi Pagoh.

"Pada tahun 2023 juga KKKP telah melakar sejarah apabila mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan sebagai 'Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited,' sekali gus melayakkan KKKP menerima anugerah peringkat kebangsaan dua kali berturut-turut.

"Selain itu, KKKP turut diiktiraf di peringkat negeri Johor sebagai penganjur kempen derma darah dengan kutipan paling tinggi pada tahun 2022," katanya.

Kempen dan program yang dijalankan oleh KKKP itu turut mendapat sokongan padu daripada Pusat Perumahan Pelajar (PRP), UTHM terutama Pengarahnya, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Halim Irwan Ibrahim, yang juga penaung program.

Beliau berkata PRP akan sentiasa memberi sokongan penuh kepada kolej-kolej kediaman pelajar dalam menganjurkan aktiviti dan juga program yang memberikan impak tinggi kepada pelajar UTHM.

"Pihak PRP juga sangat menggalakkan kolej-kolej kediaman pelajar merencanakan program yang bersifat kemasyarakatan, yang mana ianya akan memberikan satu pendedahan dan nilai tambah dalam membentuk jati diri mahasiswa selaras dengan pembentukan diri nilai graduan *Global, Resilience, Innovative, Trustworthy, Talent* (GRITT) Kolej Kediaman, yang bertunjangkan paradigma tauhid," katanya.

Kejayaan dan pengiktirafan yang telah diterima itu meningkatkan lagi semangat KKKP untuk terus menjadi tunjang utama bagi memastikan stok darah sentiasa berada dalam jumlah yang mencukupi.





UTHM-MILI TECH jalin kerjasama dalam bidang electric vehicle dan hibrid

KAJANG - Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bakal menjalankan kerjasama dengan Syarikat MILI Tech Sdn. Bhd. dalam bidang kenderaan electric vehicle (EV) dan hibrid.

UTHM-MILI Tech bakal bekerjasama dalam bidang penyelidikan electric vehicle (EV) dan hibrid, melibatkan aktiviti akademik, penyelidikan dan pembangunan, inovasi serta latihan yang menjurus kepada perkembangan teknologi semasa dan permasalahan sebenar bidang tersebut.

Sebagai permulaan kerjasama, satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTHM dan MILI Tech telah ditemeterai pada 30 Januari 2024 bertempat di syarikat berkenaan.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim manakala Syarikat MILI Tech diwakili Pengarahnya, Mohd Farid Abd Manaf.

Perjanjian persefahaman tersebut turut disaksikan oleh Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi UTHM, Naim Maslan dan Pengurus Projek dan Pembangunan Perniagaan MILI Tech, Hashem Abdullah.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MILI Tech., Nur Shalliza Hajis bersama pihak pengurusannya; Dekan FKEE, Prof. Madya Ts. Dr. Asmarashid Ponniran, Penyelaras MoU, Dr. Zarafi Ahmad; Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab UTHM serta pengurusan FKEE.

Untuk rekod, Syarikat MILI Tech yang diiktiraf oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia telah menyediakan khidmat servis kepada lebih 2000 kereta EV dan hibrid, bertindak sebagai perunding EV, hibrid dan robotik untuk MARA, menjadi penasihat industri EV & hibrid untuk kolej dan institusi teknikal antaranya UniKL, Vocational Education Training Academy (VETA), Politeknik Malaysia Sultan Mizan Zainal Abidin dan Kolej Komuniti Kepala Batas.

Selain itu, MILI Tech juga memiliki sijil ISO 9001: 2015 serta diperakui untuk perkhidmatan, penyelenggaraan dan latihan EV & Hibrid, terlibat dalam Internet of Things (IoT), automasi, robotik dan teknologi hijau dan turut dilantik sebagai Internal Quality Assurance (IQA) untuk pensijilan Institute of the Motor Industry (IMI).

FKEE menyambut baik usaha kerajaan ke arah ekosistem EV dengan menjadi pelopor dalam membangunkan perkara-perkara berkaitan EV di UTHM sejak 2019.

Antara yang terhasil, lahirnya kenderaan EV pertama di UTHM yang dikenal sebagai Eco-EV UTHM di bawah Pusat Penyelidikan Kenderaan Elektrik (EV-ReC).

Selain itu, silibus kursus EV bagi program Sarjana Muda juga telah mula dilaksanakan bermula 2022, yang mana kursus tersebut adalah kursus elektif yang 'floating' iaitu mana-mana pelajar dari fakulti kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan adalah layak untuk mendaftar.

Dato' Ruzairi dalam ucapannya berkata, jalinan kerjasama seumpama ini mampu mengukuhkan lagi hubungan antara UTHM dengan industri bagi melengkapkan kecemerlangan dalam pendidikan, penyelidikan, inovasi dan teknousahawan.

"Dengan reputasi syarikat yang sedang berkembang dalam teknologi kenderaan EV dan hibrid secara tidak langsung dapat membantu negara dalam memajukan lagi bidang EV serta TVET dengan lebih baik," katanya.





UTHM-PIJ jalin kerjasama bantu pacu kemajuan sosioekonomi negeri Johor

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) bakal menjalinkan kerjasama dengan Perbadanan Islam Johor (PIJ) melibatkan beberapa bidang bagi membantu memacu kemajuan sosioekonomi negeri Johor.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, satu perjanjian persefahaman (MoU) telah dimeterai antara PPUK dan PIJ pada 22 Januari 2024 bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM kampus induk.

UTHM diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim manakala PIJ diwakili oleh Timbalan Pengurus Besar, Khirul Nizam Mat Said selaku wakil rasmi Pengurus Besarnya.

Hadir sama menyaksikan penyerahan MoU tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, Haji Mohd Fared Haji Mohd Khalid; Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi, UTHM, Naim Maslan dan Dekan PPUK, Dr. Lutfan Jaes.

UTHM-PIJ bakal bekerjasama dalam beberapa bidang antaranya penyelidikan khususnya dalam bidang kemanusiaan dan sains sosial, penerbitan, perundingan, latihan dan pembangunan kerjaya,

khidmat sosial serta sebarang usahasama dan perkongsian program pemacuan sosio ekonomi Johor dengan mana-mana badan pertubuhan atau orang perseorangan di bawah naungan kedua-dua institusi ini.

Untuk rekod, kerjasama PIJ dan UTHM telah pun bermula pada penghujung tahun 2020 lalu, yang mana dua naskhah ilmiah telah terhasil melalui program 'Bantuan Amal Jariah (Bantuan Penerbitan Kitab / Penulisan Ilmiah).'

Di bawah program bantuan tersebut, PIJ pada tahun 2020 lalu telah menaja cetakan dua naskhah penulisan ilmiah bertajuk "Dimensi Pemikiran Ibn Khaldun Terhadap Perubahan Sosial" dan "Baghdad Dan Volga Bulgaria : Menyingkap Hubungan Politik, Ekonomi dan Sosial Era 922 Masehi dengan jumlah tajaan sebanyak RM25 ribu.

Menyambung usaha tersebut, kerjasama UTHM dan PIJ diteruskan lagi pada tahun 2023 yang mana dua naskhah penulisan ilmiah telah dirangka melalui penajaan cetakan bertajuk "Penglibatan Ibu Bapa Dan Komuniti (PIBK) Dalam Perkembangan Sekolah Agama Bersepadu (SRAB) Johor" dan "Perbadanan Islam Johor (PIJ): Pemacu Pembangunan Sosio Ekonomi Umat Islam Johor."

Kumpulan penyelidikan bagi projek perundingan penulisan ilmiah itu diketuai oleh Pensyarah Kanan PPUK, Dr. Harliana Halim merangkap Penyelaras MoU UTHM-PIJ bersama kumpulan penyelidik dari SUCCEED dan PIJ dengan keanggotaan seramai 11 orang.

Kedua-dua naskah itu telah mendapat tajaan sebanyak RM50 ribu.

Menurut Khirul Nizam, PIJ juga telah menjalankan Program Bantuan Amal Jariah, yang mana program tersebut adalah dirancang untuk membantu sosioekonomi umat Islam di Negeri Johor.

Tambah beliau, melalui peruntukan belanjawan tahun 2023, PIJ telah menyalurkan Bantuan Mesin Cetak kepada kira-kira 650 pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Menerusi program bantuan itu, PIJ telah menyalurkan dana INKIND sebanyak RM44,100 dalam bentuk mesin pencetak melalui Kumpulan Fokus Penyelidikan SUCCEED, PPUK dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

Mesin pencetak tersebut disumbangkan kepada 147 pelajar UTHM tahun pertama program diploma dan ijazah, daripada golongan B40 yang terpilih.

“Usaha ini sejajar dengan peranan PIJ sebagai Badan Berkanun Kerajaan Negeri Johor yang mendukung agenda sosioekonomi umat Islam, yang mana PIJ memainkan peranan dalam perkembangan pendidikan pengajian tinggi dalam kalangan rakyat negeri Johor,” katanya.

Sementara itu, Dato’ Ruzairi dalam ucapannya turut mengucapkan terima kasih atas komitmen dan kepercayaan yang diberikan oleh PIJ untuk bekerjasama dalam beberapa bidang yang akan dan telah dirancang.

“Saya berharap kerjasama seumpama ini dapat memberi manfaat berterusan bukan sahaja kepada UTHM dan PIJ, malah kepada pelajar dan masyarakat khususnya di negeri Johor.

“Terima kasih juga kerana turut menyumbang dana INKIND dalam bentuk mesin pencetak kepada pelajar UTHM, yang saya pasti bantuan yang dihulurkan amat bermakna kepada pelajar dalam melancarkan lagi urusan pembelajaran mereka di universiti ini,” katanya.





Arked 'bunga' simbolik penamaan bangunan kafeteria di UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah meluluskan penamaan bagi semua bangunan kafeteria di kampus induk Parit Raja dan kampus cawangan Pagoh, menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ruang Universiti (JKPRU).

Penamaan sembilan bangunan kafeteria itu adalah misi serampang dua mata untuk memberi suatu jenama baharu yang memperlihatkan keseragaman dari segi tema penamaan bangunan kafeteria, dan membawa imej yang lebih 'segar' kepada kafeteria di dalam kampus.

Setiap nama bangunan kafeteria akan dimulai dengan 'Arked' yang bermaksud laluan berbumbung atau bertutup dengan kedai-kedai kecil seperti pasar mini atau kedai alat tulis yang berkongsi dalam sebuah bangunan.

Sebutan 'Arked' akan disusuli dengan nama bunga, dengan justifikasi bahawa pemilihan nama bunga itu adalah bagi mengaitkan ciri-ciri baik dan positif sama seperti yang ada pada bunga dengan aspirasi dan jangkaan terhadap perkhidmatan serta pengurusan kafeteria, khususnya dari aspek kesucian makanan dan kebersihan.

Ini adalah bersesuaian dengan hasrat agar kafeteria UTHM hendaklah sentiasa dalam keadaan yang bersih, selamat dan terkawal.

Selain itu, tema itu turut menawarkan banyak pilihan nama yang bersesuaian dan menarik.

Menurut Pengarah Pusat Pembangunan Perniagaan (BizDeC), UTHM, Hawa Omar pemakaian nama tersebut akan diimplementasikan di semua kafeteria termasuk di kolej-kolej kediaman di kampus induk Parit Raja, kafeteria kampus cawangan Pagoh dan kafeteria Kolej Kediaman Pagoh.

Pemasangan papan tanda nama kafeteria di lokasi akan dibuat secara berperingkat oleh pihak BizDeC.

Dalam proses penentuan nama bunga, ciri-ciri dominan bunga tersebut adalah menjadi perencat penting dalam proses pemilihan.

Nama-nama bunga yang dipilih adalah yang mempunyai semua atau beberapa ciri-ciri berikut :

Berwarna Putih atau Kuning

Ciri-ciri warna sedemikian melambangkan kesucian, keelokan rupa dan kebersihan, sesuai dengan hasrat agar kafeteria UTHM hendaklah sentiasa dalam keadaan yang bersih, selamat dan terkawal. Warna putih juga adalah sinonim sebagai lambang kesucian.

Aroma Harum

Ciri-ciri bunga yang memiliki aroma harum amat disukai oleh semua orang kerana ia melambangkan kesegaran, kebersihan, perasaan yang lembut, nyaman dan tenang. Elemen begini sesuai dengan hasrat agar kafeteria Universiti menjadi satu lokasi yang santai dan segar dengan persekitaran yang menenangkan, pada masa yang sama menyediakan menu yang berkualiti.

Berkhasiat

Kebanyakan bunga yang berwarna putih, kuning serta harum ini mempunyai kelebihan dan khasiat yang boleh memberi manfaat tertentu, antaranya menjadi ramuan/bahan untuk menghasilkan pewangi, produk kosmetik dan minyak untuk aeromaterapi. Selain itu, ia juga menjadi bahan bagi merawat dan meredakan penyakit dan menjadi haruman untuk minuman seperti teh. Khasiat daripada bunga ini secara tidak langsung membawa imej serta persepsi yang baik kepada pengguna jenama tersebut.


Mudah Disebut dan Diingati

Ciri-ciri nama bunga yang mudah disebut serta senang diingati secara tidak langsung akan menjadi *trademark* kepada sesebuah kafeteria. Sementelah, nama-nama yang dipilih ini adalah spesis bunga yang senang ditemui dan popular dalam kalangan masyarakat Malaysia.

"Pihak kami berharap agar semua pengusaha kafeteria di UTHM menyahut 'semangat' penamaan bangunan kafeteria ini dengan anjakan paradigma untuk memastikan kafeteria di universiti sentiasa berada dalam kondisi terbaik.


"Pemilihan tema tersebut juga secara simboliknya akan memacu pengurusan dan perkhidmatan kafeteria-kafeteria UTHM ke arah yang lebih positif, sesuai dengan imej dan ciri-ciri jenama bunga yang dibawa.

Sembilan bangunan kafeteria yang berkenaan adalah:




ARKED BUNGA RAYA

Kafeteria Perpustakaan
Tunku Tun Aminah



ARKED TANJUNG

Kafeteria Bangunan Gunasama
Hal Ehwal Pelajar



ARKED MELATI

Kafeteria ARKED



ARKED CEMPAKA

Kafeteria Kompleks G3




ARKED MELUR
Kafeteria
Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail



ARKED MAWAR
Kafeteria Kampus Pagoh



ARKED KENANGA
Kafeteria
Kolej Kediaman Tun Fatimah



ARKED ANGGERIK
Kafeteria
Kolej Kediaman Pagoh



ARKED MATAHARI
Kafeteria
Kolej Kediaman Tun Syed Nasir



Program SCIC2024 beri peluang pelajar sarjana dekati pakar industri

PAGOH – Bagi memberi peluang kepada pelajar sarjana mendekati pakar daripada industri, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan program “Sustainable Construction Innovation Competition (SCIC) 2024” pada 8 Januari 2024 lalu bertempat di Kolej Kediaman Pagoh.

Program anjuran Jabatan Teknologi Kejuruteraan Awam yang dibantu oleh Pusat Tekno Keusahawanan UTHM dan Professional Industry Training & Certification (PITC), FTK itu dianjurkan bagi menyediakan satu platform untuk pelajar mendapat pandangan dan idea pakar industri terhadap inovasi projek yang dihasilkan, sekali gus memastikan program yang ditawarkan memenuhi keperluan industri.

Penganjuran program SCIC kali kedua itu telah membuka peluang kepada 125 pelajar sarjana muda dalam pembentangan Projek Sarjana Muda (PSM), Projek Kursus Mekanik Tanah dan Asas serta Kursus Penyiasatan Tapak.

Pelaksanaan program kali ini turut mendapat sumbangan daripada Syarikat Hertford System iaitu sebuah syarikat teknologi yang berpengalaman dalam bidang teknologi perisian dan pembangunan infrastruktur di Malaysia.

Program itu juga turut melibatkan 31 Panel Penilai Industri yang terdiri daripada pelbagai organisasi antaranya Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran Muar, Politeknik Port Dickson, Petronas, Penang Infrastructure Cooperation, Hertford System, Thai

Guan Construction, Bina Initiatives, Fibromat (M) Berhad, Sime Darby Property Selatan, Utec Survey Pte Ltd, T. P. Tay Jurutera Perunding, Majlis Perbandaran Selayang, Ranhill SAJ, SWM Environment dan Sri Pengkalan Binaan.

Sementara itu, Majlis Perasmian Penutupan SCIC2024 telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan Geran Penyelidikan), Pusat Pengurusan Penyelidikan, UTHM, Prof. Madya Ts. Dr. Suraya Hani Adnan.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian 11 anugerah yang telah dinilai oleh panel industri dan panel akademi, antaranya Anugerah Projek Terbaik, Pembentangan Terbaik dan Anugerah Penglibatan Industri bagi Kluster SOIL dan SI.

Manakala bagi Kluster PSM pelajar pula melibatkan anugerah Pembentangan Terbaik, Poster Terbaik, Kertas Teknikal Terbaik, Anugerah Penglibatan Industri dan Anugerah SCIC.

Menurut penasihat program, Ts. Dr. Tuan Noor Hasanah Tuan Ismail, SCIC bukan sekadar pertandingan inovasi tetapi juga tentang inisiatif membantu pembangunan pelajar dalam menangani cabaran industri sebenar.

“Penganjuran program ini bukan sahaja mampu menjadi batu loncatan bagi kecemerlangan akademik, tetapi juga laluan kepada pelajar untuk berinteraksi secara terus dengan pihak industri serta melibatkan diri dalam dunia industri sebenar,” katanya.

SARJANA MUDA SAINS

Analitik Data Komputasi

Dengan Kepujian

Penawaran program Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kepujian secara 2u2i ini adalah bagi menyahut cabaran pengajian tinggi negara, iaitu untuk menghasilkan graduan holistik, dan bercirikan keusahawanan dan seimbang (Lonjakan 1, PPPM) di mana graduan yang akan dihasilkan berpadanan antara penawaran majikan berikutan kurikulum yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada keperluan industri semasa. Inisiatif yang dibuat adalah dengan menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program, meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan pekerjaan (WBL) untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21, dan memanfaatkan pembangunan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar.

TEMPOH PENGAJIAN



Minimum : 3.5 Tahun
(7 Semester panjang,
2 Semester Pendek)
Maksimum : 7 Tahun
(14 Semester panjang,
4 Semester Pendek)

MOD PENGAJIAN



Mod Industri (2u2i)

JAM KREDIT



125 Jam Kredit

SYARAT KEMASUKAN

LEPASAN STPM

- ✓ Gred C (2.00) Matematik T / Matematik M
- ✓ Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN MATRIKULASI

- ✓ Gred C (2.00) Matematik
- ✓ Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN DIPLOMA

- ✓ Purata Matanilai Himpunan (CPA/PNGK)
2.50
- ✓ Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
- ✓ Diploma Sains / Diploma Statistik
Diploma Sains Aktuari / Diploma Sains Gunaan
- ✓ **ATAU**
Calon yang tidak memenuhi syarat CPA/PNGK 2.50 tetapi mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang berkaitan

PELUANG KERJAYA

Penganalisis Data | Penganalisis Perlombongan data
Penganalisis Data Raya | Penganalisa Perniagaan dan Pemasaran
Jurutera Mesin Pembelajaran | Jurutera Data
Saintis Data | Perangkawan | Ahli Akademik | Penyelidik
Pembuat Keputusan Berasaskan Data



PROF. MADYA Dr. MOHD SAIFULLAH BIN RUSIMAN
Ketua Program

Emel : saifullah@uthm.edu.my

Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahiran dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini




MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usah sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekat kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR

RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.

